

29/06/1998

Mesyuarat MAN bincang kertas kerja penting

IPOH, Ahad - Mesyuarat pertama Majlis Air Negara (MAN) esok dijadual membincangkan dua kertas kerja penting bagi merancang bekalan air negara untuk tempoh 25 tahun akan datang.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata satu daripada kertas kerja itu membabitkan penubuhan dan aktiviti MAN. Ini termasuk menentukan kementerian yang bertanggungjawab menguruskan MAN.

Mesyuarat yang akan dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu akan dihadiri semua Menteri Besar dan Ketua menteri.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-34 Koperasi Guru-Guru Sekolah India Perak Bhd di sini, hari ini, Samy Vellu berkata, MAN juga akan membincangkan beberapa projek jangka panjang bagi menjaga kepentingan bekalan air pada masa depan.

"Menteri Besar juga akan diminta memberi pandangan mengenai masalah bekalan air supaya kata sepakat dapat dicapai mengenai pengagihan air," katanya.

Samy Vellu berkata, isu lain juga akan diketengahkan iaitu mengenai kekurangan bekalan air dan jumlah air yang dibekalkan di seluruh Semenanjung serta mengenal pasti negeri yang mempunyai sumber air terbanyak.

"Melalui perbincangan itu, kita akan mencari langkah terbaik cara mana membekalkan air dari satu negeri ke satu negeri yang menghadapi masalah kekurangan punca air dan bayaran yang perlu dikenakan bagi bekalan air berkenaan.

"Masalah kekurangan bekalan air di sekitar Lembah Klang yang berpanjangan sekarang menjadi iktibar untuk memastikan masalah kekurangan bekalan air tidak akan berlaku pada masa depan," katanya.

Menurutnya, perancangan terperinci perlu dicapai segera termasuk menentukan masa untuk memulakan perancangan baru serta menetapkan jumlah perbelanjaannya.

"Kita berharap mendapat hasil yang terbaik melalui perbincangan itu esok bagi kepentingan bersama," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Samy Vellu menasihatkan masyarakat India supaya mengamalkan sikap menabung untuk menjaga kepentingan pada masa depan.

Katanya, tabung bantuan yang disediakan kerajaan tidak mampu memberi jaminan kepada masyarakat dalam mendapatkan pinjaman berikutan pelbagai masalah yang dihadapi negara kini.

(END)